

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2017

Laporan Tahunan



**Malaysian
Aviation Commission**
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

Isi Kandungan

2

*Pencapaian Utama
MAVCOM*

4

Mengenai Suruhanjaya

5

*Tugas dan Fungsi
Suruhanjaya*

6

*Misi dan Nilai-nilai
Suruhanjaya*

7

Keanggotaan Suruhanjaya

8

Jawatankuasa

10

*Perutusan Pengerusi
Eksekutif*

14

*Ulasan Berkenaan Operasi
oleh Ketua Pegawai Operasi*

29

Penyata Kewangan

55

Indeks

119

Anggota Suruhanjaya

129

Pengurusan Kanan

2 PENCAPAIAN UTAMA MAVCOM



9 Januari

Mahkamah Sesyen Sepang mendapati Suasa Airlines Sdn. Bhd. bersalah kerana beroperasi tanpa Permit Perkhidmatan Udara (ASP) yang sah dan dikenakan denda sebanyak RM380,000.



17 - 19 Mac

Menyertai Pameran Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA Fair) peringkat kebangsaan dengan matlamat untuk mendidik para pengguna mengenai hak mereka sebagai pengguna penerbangan.

18 April

Penerbitan Laporan Pengguna MAVCOM yang pertama.

14 Julai

Menerbitkan Kertas Rundingan mengenai Pendekatan Pengawalseliaan terhadap Kualiti Perkhidmatan Lapangan-lapangan Terbang di Malaysia untuk maklum balas industri dan orang ramai.

23 Ogos

Melengkapkan kajian ke atas Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) dan dibentangkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk cadangan dan maklum balas.



12 Januari

MAVCOM mengeluarkan kenyataan media mengenai pampasan bagi penumpang yang dilarang menaiki pesawat atau syarikat penerbangan yang mengambil tempahan berlebihan.

21 - 25 Mac

Menyertai Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2017 (LIMA).

7 Jun

YBhg. Dato' Nik Azman bin Nik Abdul Majid (Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri) menggantikan YBhg. Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff sebagai Anggota Suruhanjaya.



15 Ogos

Penerbitan Laporan Industri yang pertama iaitu *Waypoint* dan Laporan Teknikal mengenai Pegganda Sektor Penerbangan.

Sehingga 31 Disember 2017, Suruhanjaya telah meluluskan sejumlah:

- 3 Lesen Perkhidmatan Udara
- 10 Permit Perkhidmatan Udara
- 1 Lesen Pengendali Aerodrom
- 160 Pemberian hak trafik udara antarabangsa kepada syarikat penerbangan Malaysia
- 50 Pemberian hak trafik udara domestik kepada syarikat penerbangan Malaysia

24 Ogos

Menerbitkan Kertas Rundingan berkenaan Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) bagi lapangan-lapangan terbang di Malaysia bagi mendapatkan maklum balas industri dan orang ramai.

27 September

Memperbaharui Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) untuk Malindo Airways.

Memperbaharui Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) untuk MASwings.

30 November

Mengumumkan penyamarataan penuh bagi Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) di lapangan terbang di seluruh Malaysia.

Mengeluarkan Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) kepada Raya Airways.

**13 Disember**

Mengeluarkan Kertas Rundingan mengenai Draf Garis Panduan berkenaan Takrif Pasaran Perkhidmatan Penerbangan, Perjanjian Antipersaingan dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan untuk maklum balas industri dan orang ramai.

8 - 21 September

Menjalankan kaji selidik tahunan untuk mengenal pasti tahap kesedaran pengguna mengenai hak-hak penumpang perkhidmatan penerbangan dan tahap kepuasan penumpang terhadap perkhidmatan penerbangan di Malaysia.

16 Oktober

Menerbitkan Laporan Pengguna kedua dan mengumumkan perkembangan Rangka Kerja Kualiti Perkhidmatan Lapangan Terbang (QoS Lapangan Terbang) MAVCOM.

**5 Disember**

Pembentangan Laporan Tahunan MAVCOM 2016 di Parlimen.

18 Disember

Parlimen meluluskan Pindaan kepada Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771].

28 Disember

Pewartaan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Caj Perkhidmatan Penerbangan) (Pindaan) 2017.

Dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2017, pihak Suruhanjaya telah:

- Menerima 1,356 aduan
- Berjaya menangani dan menyelesaikan 99.6 peratus aduan tersebut

4

MENGENAI SURUHANJAYA



Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM atau Suruhanjaya) merupakan sebuah badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771]. Setelah MAVCOM ditubuhkan pada 1 Mac 2016, kawalan selia dari aspek ekonomi industri penerbangan awam Malaysia dan perlindungan hak-hak pengguna penerbangan telah diletakkan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya. Sebelum penubuhan MAVCOM, aspek ekonomi dikendalikan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MoT) dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

Melalui Akta 771, Suruhanjaya diberikan kuasa untuk membuat keputusan secara bebas. Suruhanjaya juga berfungsi sebagai penasihat bebas kepada MoT berhubung perihal ekonomi yang berkaitan dengan industri penerbangan awam.

SIAPAKAH KAMI

Peranan MAVCOM adalah berlainan daripada peranan MoT dan DCA. MoT bertanggungjawab untuk menggubal dasar utama serta mengendalikan hubungan antara kerajaan dan kerajaan lain termasuklah menerajui rundingan dua hala atau pelbagai hala berhubung hak trafik udara, manakala DCA pula akan terus mengawal selia aspek teknikal dan keselamatan industri penerbangan awam di Malaysia.

**Nota: Berkuat kuasa 19 Februari 2018, DCA dikenali sebagai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).*

TUGAS DAN FUNGSI SURUHANJAYA

5

Fungsi MAVCOM seperti yang termaktub di dalam Akta 771 adalah meliputi tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

Pengeluaran lesen komersial untuk perkhidmatan pengangkutan udara, operasi pengendalian darat dan lapangan terbang

MAVCOM bertanggungjawab untuk mengeluarkan Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) bagi perjalanan berjadual yang tetap seperti penerbangan komersial, dan Permit Perkhidmatan Udara (ASP) untuk penerbangan yang tidak berjadual seperti penerbangan sewa khas. Suruhanjaya juga mengeluarkan Lesen Pengendali Aerodrom (AOL) untuk pengendali-pengendali lapangan terbang dan Lesen Pengendalian Darat (GHL) untuk mereka yang ingin menjalankan perkhidmatan pengendalian darat di Malaysia.

Menyelia hal-hal yang berkait dengan persaingan yang wujud dalam industri penerbangan

Mulai 1 Mac 2016, sebarang isu yang berkaitan dengan persaingan berhubung perkhidmatan penerbangan di Malaysia adalah terletak di bawah seliaan MAVCOM [ditadbir secara eksklusif di bawah Akta 771, khususnya Bahagian 7 – VII (Persaingan)].

Mentadbir, memperuntuk dan menguruskan hak-hak trafik udara

Hak trafik udara (ATR) yang diperuntukan oleh MAVCOM merupakan suatu bentuk kelulusan kepada syarikat syarikat penerbangan Malaysia yang menawarkan perkhidmatan penerbangan berjadual untuk membawa penumpang, mel atau kargo ke atau dari Malaysia. Penguntukan ATR adalah berdasarkan permohonan yang dibuat oleh syarikat penerbangan dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk hak trafik sedia ada.

Memantau penguntukan slot untuk pengendali perkhidmatan pengangkutan udara

MAVCOM bertanggungjawab untuk memantau dan menyelia proses penguntukan slot.

Mentadbir dan menguruskan obligasi perkhidmatan awam

MAVCOM diberi kuasa untuk mentadbir dan menguruskan obligasi perkhidmatan awam di Malaysia.

Contoh utama ialah Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) yang menyediakan jaringan hubungan melalui udara bagi kawasan-kawasan yang terpencil, kurang penduduk, atau bahagian-bahagian yang mempunyai isu perhubungan yang signifikan di Sabah dan Sarawak.

Menyediakan suatu mekanisme perlindungan bagi semua pengguna industri penerbangan awam di Malaysia

Salah satu objektif utama MAVCOM ialah perlindungan hak-hak dan kepentingan pengguna penerbangan untuk memastikan hak-hak tersebut sentiasa dilindungi dan berkembang. Selaras dengan penubuhan MAVCOM, peraturan-peraturan perlindungan pengguna yang baru telah dikeluarkan bagi memanfaatkan pengguna secara langsung, serta mewujudkan suatu platform eksklusif kepada mereka untuk menyalurkan sebarang aduan sekiranya mereka tidak berpuas hati terhadap tahap perkhidmatan penerbangan yang disediakan oleh pengendali perkhidmatan penerbangan.

Menyediakan mekanisme bagi penyelesaian pertikaian di antara pengendali perkhidmatan penerbangan

Sebagai suatu alternatif terhadap kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian yang sedia ada, Akta 771 memberikan ruang kepada pengendali perkhidmatan penerbangan untuk merujuk sebarang isu pertikaian mereka kepada MAVCOM bagi tujuan penyelesaian.

Penetapan caj perkhidmatan penerbangan

MAVCOM mempunyai kuasa untuk mengkaji dan menetapkan caj bagi industri penerbangan awam yang turut merangkumi penetapan Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC), yang merupakan salah satu caj penerbangan yang termaktub di bawah Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Penerbangan (Caj Perkhidmatan Penerbangan) 2016.

Penasihat kepada Menteri Pengangkutan tentang perkara yang berkait dengan industri penerbangan awam daripada perspektif ekonomi

MAVCOM bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada Menteri Pengangkutan Malaysia mengenai perihal ekonomi yang berkaitan dengan industri penerbangan awam di Malaysia.

6

MISI DAN NILAI-NILAI SURUHANJAYA

MISI

Untuk menggalakkan industri penerbangan awam yang berdaya maju dari segi komersial, berorientasikan pengguna dan berdaya tahan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara

NILAI-NILAI

Kewibawaan

Kami mematuhi tahap etika tertinggi dalam semua perkara yang kami laksanakan

Profesionalisme

Kami sentiasa menjalankan tanggungjawab kami secara profesional

Kesaksamaan

Kami melaksanakan tugas kami secara adil, bebas dan saksama tanpa berpihak kepada mana-mana pihak

KEANGGOTAAN SURUHANJAYA

Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia [Akta 771] memperuntukkan bahawa keanggotaan Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada:

- Pengerusi Eksekutif, yang dilantik oleh Perdana Menteri;
- dua orang wakil Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (berdasarkan penjawatan mereka); dan
- tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada enam orang anggota lain (dilantik oleh Menteri Pengangkutan selepas berunding dengan Perdana Menteri).

Suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak 11 kali pada tahun 2017.

Kehadiran anggota Suruhanjaya ke mesyuarat-mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Abdullah bin Ahmad TUDM (Bersara)	Hadiri 11 mesyuarat
YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim	Hadiri 7 mesyuarat
YBhg. Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff*	Hadiri 4 daripada 5 mesyuarat
YBhg. Dato' Nik Azman bin Nik Abdul Majid*	Hadiri 2 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Dato' Mah Weng Kwai	Hadiri 11 mesyuarat
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Chor Chee Heung	Hadiri 9 mesyuarat
YBhg. Datuk Seri Long See Wool	Hadiri 11 mesyuarat
YBhg. Dato' Fauziah binti Yaacob	Hadiri 9 mesyuarat
YBhg. Dato' Dr. Ir. Shaik Hussein bin Mydin	Hadiri 10 mesyuarat
YBrs. Dr. Nungsari Ahmad Radhi	Hadiri 9 mesyuarat

**YBhg. Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff bersara sebagai Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi dan telah diganti oleh YBhg. Dato' Nik Azman bin Nik Abdul Majid berkuat kuasa 7 Jun 2017.*

8

JAWATANKUASA

Seksyen 12(1) Akta 771 memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya. Suruhanjaya juga diberi kuasa untuk mewakilkan fungsi dan kuasanya kepada seorang anggota Suruhanjaya atau suatu Jawatankuasa (mengikut seksyen 20(1) Akta 771). Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan hendaklah dijalankan dan dilaksanakan atas nama dan bagi pihak Suruhanjaya dan fungsi atau kuasa yang diwakilkan tersebut tidak menghalang Suruhanjaya daripada menjalankan fungsi atau kuasa tersebut pada bila-bila masa. Suruhanjaya boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa dan juga boleh melantik sesiapa untuk menjadi anggota kepada mana-mana Jawatankuasa yang telah ditubuhkan.

Jadual di bawah menunjukkan Jawatankuasa dan fungsi-fungsi setiap Jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Suruhanjaya:

Jawatankuasa	Ringkasan Fungsi	Anggota Jawatankuasa
Jawatankuasa Audit & Risiko	Menyelia laporan kewangan, pengurusan kewangan, belanjawan, pengawasan dalaman, pengurusan risiko, pematuhan regulatori, audit dalaman dan luaran Suruhanjaya.	<p>Pengerusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Dato' Fauziah binti Yaacob <p>Anggota Jawatankuasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Tan Sri Dato' Seri Chor Chee Heung • YBhg. Datuk Mohd Nasir bin Ahmad*
Jawatankuasa Penamaan & Pampasan	Menilai calon untuk semua jawatan pengurusan atasan serta merangka dan menaksir pakej ganjaran dan emolumen untuk pihak Pengurusan.	<p>Pengerusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim <p>Anggota Jawatankuasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Tan Sri Dato' Seri Chor Chee Heung • YBhg. Dato' Fauziah binti Yaacob
Jawatankuasa Pelesenan & Hak Trafik Udara	<p>Menilai keputusan yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan berkenaan dengan permohonan lesen perkhidmatan udara, permit perkhidmatan udara, lesen pengendalian darat dan lesen pengendali aerodrom sebelum memberikan saranan untuk kelulusan muktamad oleh Suruhanjaya.</p> <p>Menilai cadangan pihak Pengurusan berkaitan penguntukan hak trafik udara yang baru dan yang sedia ada untuk kelulusan muktamad oleh Suruhanjaya.</p>	<p>Pengerusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Datuk Seri Long See Wool <p>Anggota Jawatankuasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBrs. Dr. Nungsari Ahmad Radhi • Azmir Zain

Jawatankuasa	Ringkasan Fungsi	Anggota Jawatankuasa
Jawatankuasa Persaingan & Ekonomi	Menyelia dan menilai cadangan oleh pihak Pengurusan berkenaan perkara-perkara yang diperuntukan di bawah Bahagian VII (Persaingan) Akta 771 serta memberi nasihat, cadangan dan panduan mengenai hal ehwal ekonomi dan laporan semakan pasaran perkhidmatan penerbangan.	<p>Pengerusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBrs. Dr. Nungsari Ahmad Radhi <p>Anggota Jawatankuasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Dato' Mah Weng Kwai • YBhg. Datuk Seri Long See Wool
Jawatankuasa Perlindungan Pengguna	<p>Menyediakan panduan strategik berhubung dengan perlindungan pengguna dalam industri penerbangan serta memantau dan menilai aduan-aduan yang diterima oleh Suruhanjaya melalui laporan suku tahunan yang diserahkan kepada Jawatankuasa.</p> <p>Jawatankuasa juga mengkaji, membincangkan dan mencadangkan pemindaan kepada Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (MACPC) serta mengusulkan cadangan kepada Suruhanjaya berkenaan penalti kewangan yang akan dikenakan terhadap pengendali perkhidmatan penerbangan yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan di bawah MACPC, menurut seksyen 69, Akta 771.</p>	<p>Pengerusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Dato' Nik Azman bin Nik Abdul Majid <p>Anggota Jawatankuasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Datuk Seri Long See Wool • YBhg. Dato' Dr. Ir. Shaik Hussein bin Mydin
Jawatankuasa Perundangan, Regulatori & Penyelesaian Pertikaian	Memberikan bimbingan dan cadangan perundangan strategik kepada Suruhanjaya di dalam apa-apa hal perundangan. Jawatankuasa juga mengkaji, mempertimbangkan, menyumbang dan/atau memberikan panduan terhadap draf undang-undang baru, peraturan, kod dan garis panduan atau undang-undang subsidiari yang lain. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyelia pengendalian kes-kes litigasi yang material serta inkuiri regulatori atau prosiding yang melibatkan Suruhanjaya.	<p>Pengerusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Dato' Mah Weng Kwai <p>Anggota Jawatankuasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Tan Sri Dato' Seri Chor Chee Heung • Encik Abdul Kadir bin Md. Kassim**

***Latar belakang YBhg. Datuk Mohd Nasir bin Ahmad:**

YBhg. Datuk Mohd Nasir bin Ahmad mempunyai pengalaman luas selama lebih 38 tahun dalam bidang kewangan, perakaunan dan pengurusan. Kini, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Kanan Bebas di CIMB Group Holdings Berhad dan Media Prima Berhad. Beliau merupakan ahli Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dari United Kingdom dan merupakan seorang Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

****Latar belakang Encik Abdul Kadir bin Md. Kassim:**

Encik Abdul Kadir bin Md. Kassim memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari University of Singapore. Beliau merupakan Peguam Kanan di firma guaman Messrs Kadir, Andri & Partners. Dengan lebih daripada 50 tahun pengalaman dalam bidang undang-undang, Encik Kadir secara konsisten diiktiraf sebagai seseorang yang disegani dalam amalan undang-undang. Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah Danajamin Nasional Berhad, TIME dotcom Berhad, UEM Group Berhad dan Cement Industries of Malaysia Berhad. Beliau juga adalah ahli Yayasan Datuk Yaw Teck Seng dan pemegang amanah Dana Amanah Biasiswa Kumpulan Renong. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat, yang ditaja oleh Bank Negara Malaysia dan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (FSPB), sebuah lembaga yang ditaja oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.

10 PERUTUSAN PENGERUSI EKSEKUTIF



**YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Abdullah
bin Ahmad TUDM (Bersara)**

Selaku Pengerusi Eksekutif MAVCOM, saya mewakili Suruhanjaya ingin menyuarakan betapa bangganya kami dengan penerbitan Laporan Tahunan kedua MAVCOM. Sebagai Suruhanjaya bebas yang menyelia industri penerbangan Malaysia yang semakin pesat membangun, matlamat kami sentiasa tertumpu ke arah mewujudkan suatu persekitaran yang berdaya saing, kukuh dan mampan bagi kesemua pemain-pemain industri.

Menggalakkan pembangunan industri

Dalam masa dua tahun yang pertama, Suruhanjaya telah berjaya mencapai beberapa peristiwa yang penting – daripada pengukuhan industri yang menjadi landasan kepada tahap perkhidmatan yang lebih baik kepada memperkasakan hak-hak penumpang perkhidmatan penerbangan di Malaysia. Pelbagai usaha telah diambil oleh MAVCOM untuk memajukan industri ini seperti melaksanakan proses baru bagi pelesenan komersial yang direka khas untuk ketahanan komersial yang bergiat maju. Sejak penubuhan Suruhanjaya ini, sebanyak 65 lesen telah dikeluarkan dan diperbaharui oleh MAVCOM. Ini membawa kepada penambahan sebanyak RM597 juta dalam modal induk industri sejak dua tahun lepas. Suruhanjaya juga telah memperkenalkan proses penguntukan hak trafik udara (ATR) yang baru bagi menggalakkan persaingan sihat. Dalam masa dua tahun sahaja, MAVCOM telah menguntukan sebanyak 308 ATR kepada syarikat-syarikat penerbangan Malaysia.

Sejak 2016, Suruhanjaya telah menjalankan dua kali semakan semula ke atas Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) dan kadar PSC yang lebih adil telah diwartakan, di mana kita dapat melihat penurunan subsidi kerajaan kepada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Semakan semula PSC yang kami jalankan ini telah mendapat pujian dan persetujuan daripada pemain-pemain utama industri, penganalisa, dan juga badan-badan antarabangsa, seperti International Air Transport Association (IATA).

Selain daripada syarikat penerbangan dan lapangan terbang, MAVCOM juga meletakkan kepentingan yang sama rata dalam memastikan kualiti optimum oleh semua pemain industri.

Kami serius dan proaktif dalam peranan kami untuk menyediakan satu pasaran penerbangan awam yang berdaya saing dan bertumpu kepada pengguna

Sepanjang dua tahun pertama, Suruhanjaya telah memperkenalkan langkah-langkah yang lebih ketat bagi memperbaiki sektor pengendalian darat.

MAVCOM juga telah memperkenalkan Rangka Kerja Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) yang baru dengan menjalankan kajian pengstrukturkan RAS. Suruhanjaya bakal mengambil alih pengurusan RAS daripada Kementerian Pengangkutan (MoT) bermula dari tahun 2018 dan telah mencadangkan peningkatan bilangan perkhidmatan udara yang sepatutnya bagi kawasan pedalaman.

Pengurusan RAS oleh MAVCOM membantu memudahkan pembangunan industri, memastikan kehendak pengguna dipenuhi di samping menyokong matlamat negara. Salah satu contoh yang kita boleh lihat ialah program Obligasi Perkhidmatan Awam (PSO) yang dijalankan melalui RAS, di mana program ini menyediakan perhubungan udara di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. RAS adalah penting bagi Sabah dan Sarawak kerana kedudukan geografi telah mempengaruhi mod pengangkutan di kedua-dua negeri tersebut. Kebanyakan kawasan di negeri-negeri ini hanya boleh dihubungkan melalui udara atau bot sahaja. Struktur kawasan darat yang tidak sesuai menjadikan pengangkutan udara satu-satunya pilihan realistik dan juga pilihan yang penting bagi penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman ini. Hari ini, penduduk di kawasan pedalaman ini lebih serasi dengan perkhidmatan yang disediakan oleh RAS kerana inilah satu-satunya cara untuk mereka mendapatkan keperluan asas seperti telur, gula, susu dan surat khabar. Dengan pertolongan kecemasan dan perubatan, RAS juga dapat membantu kanak-kanak dari komuniti ini mendapat akses kepada pendidikan serta meningkatkan dan memperbaiki mutu kehidupan mereka.

Menguatkuasa hak-hak pengguna

Sejak penubuhan, Suruhanjaya telah menjelaskan peranannya dalam menguatkuasakan hak-hak pengguna. Kami telah membantu menyelesaikan aduan penumpang; dan juga memaklumkan pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri penerbangan negara, termasuklah pihak awam mengenai segala usaha kami melalui Laporan-Laporan Pengguna dan kertas-kertas rundingan yang diterbitkan oleh Suruhanjaya. MAVCOM telah menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan kepenggunaan (seperti melibatkan diri dalam pameran-pameran percutian dan penerbangan) bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran umum mengenai hak penumpang dan hak perjalanan udara mereka. Suruhanjaya juga telah menjalankan kaji selidik pengguna untuk kali kedua bagi mengenal pasti tahap kesedaran penumpang mengenai hak-hak mereka dan kadar kepuasan penumpang terhadap tahap perkhidmatan udara di Malaysia.

Kami serius dan proaktif dalam peranan kami untuk menyediakan suatu pasaran penerbangan awam yang berdaya saing berfokuskan pengguna. Kami akui bahawa masih ada jurang di antara kesedaran penumpang dan kefahaman mereka mengenai hak-hak mereka, jadi kami akan memastikan usaha kami pada tahun 2018 lebih tertumpu kepada memperkenalkan dan menguatkuasakan Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (MACPC).

Mempertingkatkan pengawalan industri

MAVCOM percaya bahawa persekitaran yang berdaya saing di antara pemain industri amat penting bagi menggalakkan sektor yang sihat, stabil dan mampan. Dengan itu, Suruhanjaya telah mengumumkan pelaksanaan Rangka Kerja Kualiti Perkhidmatan (QoS Lapangan Terbang) bagi lapangan-lapangan terbang. QoS Lapangan Terbang ini akan memperjelaskan lagi objektif kawal selia kami dengan menetapkan piawai perkhidmatan dan penunjuk prestasi utama yang merangkumi pelbagai aspek perkhidmatan udara – antara lainnya termasuklah kebersihan, penanda arah, kualiti infrastruktur dan liputan internet di lapangan terbang. Bagi MAVCOM, mempunyai pemahaman yang sama mengenai tahap perkhidmatan dan cara untuk meningkatkan

Semua aktiviti MAVCOM dirangka dan dilaksanakan dengan berteraskan falsafah kami iaitu untuk menubuhkan dan meningkatkan persekitaran komersial yang adil dan berdaya saing

prestasi adalah sangat penting bagi industri penerbangan Malaysia.

MAVCOM berharap agar kami dapat mempertingkatkan keselesaan penumpang di lapangan terbang dan memastikan tahap perkhidmatan penumpang menjadi tumpuan utama. MAVCOM juga berharap untuk memastikan tahap servis yang diberikan oleh lapangan terbang kepada pengguna adalah pada tahap maksimum untuk kesemua pengguna lapangan terbang termasuklah syarikat penerbangan dan pengendalian darat serta pengguna di lapangan-lapangan terbang di Malaysia.

Antara usaha yang paling ketara dan amat penting bagi Suruhanjaya sepanjang tahun ini adalah semakan semula PSC. Semakan ini bertujuan untuk membawa Malaysia lebih dekat dengan amalan-amalan terbaik antarabangsa di samping memastikan kadar caj di Malaysia berada di tahap yang mampu dibiayai. Semakan penyamarataan kadar PSC ke semua lapangan terbang di Malaysia merupakan rancangan jangka panjang MAVCOM dalam mencapai pelaksanaan mekanisme berlandaskan kos yang sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

Cadangan mekanisme berlandaskan kos ini merupakan satu langkah progresif bagi industri penerbangan Malaysia dalam mematuhi amalan yang digunakan di semua lapangan terbang utama antarabangsa dan juga perniagaan yang berlandaskan konsesi (seperti industri kemudahan utiliti). Prinsip-prinsip yang akan diterapkan dalam mekanisme ini adalah termasuk caj lapangan terbang yang hanya berlandaskan kos pembangunan dan pengurusan lapangan terbang; dan caj aeronautikal akan dimasukkan bersama

Caj Keselamatan, caj pendaratan kapal terbang, dan bayaran parkir. Secara keseluruhannya, inisiatif ini bertujuan untuk memastikan industri lapangan terbang Malaysia berdaya maju untuk jangka masa yang panjang.

Salah satu mandat Suruhanjaya adalah untuk mendukung objektif pembangunan negara. Justeru itu, semua aktiviti MAVCOM dirangka dan dilaksana dengan berteraskan falsafah kami iaitu untuk mewujudkan dan meningkatkan persekitaran komersial yang adil dan berdaya saing bagi sektor penerbangan awam Malaysia. Ini adalah penting bagi menerajui pembangunan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dan juga memanfaatkan pengguna. Kita boleh mencapai kesemua ini dengan:

- Liberalisasi yang berfasa dan teratur;
- Pelaksanaan prinsip-prinsip persaingan yang adil;
- Rejim kawal selia ekonomi yang optimum;
- Rejim perlindungan pengguna yang kukuh; dan
- Pengukuran dan pemantauan prestasi yang teguh dan didorong oleh penggunaan data.

Mengamalkan pendekatan-pendekatan kawal selia paling sesuai untuk objektif-objektif pembangunan negara, serta, menaikkan tahap kawal selia tempatan merupakan fungsi dan tanggungjawab penguatkuasaan yang sangat penting. MAVCOM telah mendapat maklum balas dan pandangan pelbagai pihak terhadap peraturan yang dicadangkan agar kami boleh menilai semula impak dan kesan daripada pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut. Semua ini bertujuan untuk menilai sekiranya terdapat isu-isu operasi dan supaya segala pertimbangan telah diambil kira untuk industri penerbangan Malaysia.

Kami amat teruja untuk memasuki tahun 2018, di mana lebih banyak lagi matlamat yang ingin kami capai. Dalam soal perlindungan pengguna, sasaran kami adalah untuk mengukuhkan peruntukan perlindungan semasa pengguna penerbangan seperti yang tertera di dalam MACPC. Dalam matlamat kami untuk sentiasa maju ke hadapan, kami berhasrat untuk

meningkatkan pendidikan pengguna dan segala usaha penyebaran maklumat dengan menggunakan platform digital. Kami juga ingin menyiapkan rangka kerja pembangunan caj-caj penerbangan jangka panjang dan meneruskan pelancaran Rangka Kerja QoS Lapangan Terbang merentasi semua lapangan terbang di Malaysia. Suruhanjaya ingin memastikan rancangan ekonomi utama industri penerbangan awam di Malaysia dapat dibangunkan dan dilaksanakan.

Kesemua usaha dan perancangan ini mungkin kelihatan seperti terlalu tinggi untuk dicapai namun saya percaya kami boleh mencapainya. Ini adalah kerana Suruhanjaya dianggotai oleh Anggota Suruhanjaya yang sangat tekad dan adil manakala kakitangan kami yang berdedikasi juga telah menyumbang kepada pencapaian MAVCOM yang sangat dibanggakan selama dua tahun penubuhan kami. Bagi pihak semua warga MAVCOM, kami ingin menyatakan bahawa kami amat berbangga dengan peluang yang diberikan untuk kami sama-sama berkhidmat dalam peningkatan dan pembangunan industri penerbangan Malaysia bagi tahun depan dan seterusnya.

YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Abdullah bin Ahmad TUDM (Bersara)
Pengerusi Eksekutif

14


ULASAN BERKENAAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI - Azmir Zain

Industri penerbangan Malaysia telah menyaksikan suatu peningkatan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2017 berikutan dengan keadaan yang semakin pulih pada tahun 2016 yang turut menggambarkan bahawa industri kini telah bangkit semula daripada tragedi-tragedi yang berlaku pada tahun 2014.

Antara pencapaian yang diperoleh adalah pertumbuhan trafik penumpang yang lebih pesat pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Pendapatan industri semakin bertambah baik manakala tahap kerugian pula mencatatkan penurunan, purata faktor muatan juga semakin meningkat. Terdapat pelaburan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan penerbangan berjadual dan tidak berjadual yang seterusnya meletakkan kedua-duanya di kedudukan kewangan yang lebih stabil selain daripada peningkatan gabungan modal pasaran kesemua syarikat industri yang tersenarai di Bursa Malaysia pada tahun 2017. Semua ini dicapai meskipun persekitaran operasi yang mencabar terutama sekali akibat peningkatan harga minyak pada separuh kedua tahun tersebut.

Di samping itu, para pengguna juga mendapat lebih banyak manfaat pada tahun 2017. Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (MACPC) yang telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya pada tahun 2016 telah menambah baik perlindungan pengguna industri penerbangan awam, manakala purata tambang penerbangan telah menurun dan caj-caj lapangan terbang di Malaysia kekal di antara caj terendah di rantau ini.


Gambar rajah 1: Aliran Tahunan Trafik Penumpang, 2013 - 2017



Sumber: Analisa MAVCOM, Pemegang-pemegang Lesen Pengendali Aerodrom (AOL)

Peningkatan trafik penumpang pada tahun 2017 didukung oleh perkembangan trafik penumpang antarabangsa dan domestik tahun demi tahun sebanyak 13.4 peratus (antarabangsa) dan 3.3 peratus (domestik). Bagi segmen antarabangsa, trafik penumpang yang melibatkan destinasi negara-negara ASEAN meningkat sebanyak 10.8 peratus tahun demi tahun kepada 23.9 juta (2016: 21.6 juta), sementara trafik yang melibatkan destinasi antarabangsa selain ASEAN telah berkembang sebanyak 16.0 peratus tahun demi tahun kepada 25.7 juta (2016: 22.1 juta) (rujuk Gambar rajah 2).


Gambar rajah 2: Trafik Penumpang Tahunan Mengikut Rantau, 2016 - 2017



Sumber: Analisa MAVCOM, Pemegang-pemegang AOL

Tempat Duduk Kilometer Tersedia (ASK) bagi syarikat-syarikat penerbangan Malaysia bertambah sebanyak 10.1 peratus kepada 135.6 bilion, akibat daripada peningkatan bilangan tempat duduk sebanyak 5.8 peratus tahun demi tahun berbanding dengan pengurangan bilangan tempat duduk yang telah dilaporkan pada tahun 2016. Purata faktor muatan telah meningkat kepada 81.3 peratus daripada 78.9 peratus pada tahun sebelumnya. Ini menggambarkan jurang yang semakin mengecil di antara pertumbuhan bilangan tempat duduk dan permintaan penumpang di mana syarikat-syarikat penerbangan secara amnya lebih berdisiplin dalam menyediakan bilangan tempat duduk di samping permintaan pengangkutan udara yang semakin kukuh.

Gambar rajah 3: Faktor Muatan dan Kapasiti Syarikat-syarikat Penerbangan di Malaysia, 2013 - 2017




Sumber: Analisa MAVCOM, Pemegang-pemegang Lesen Perkhidmatan Udara (ASL)

Pendapatan syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia telah meningkat sebanyak 19.8 peratus tahun demi tahun kepada RM25.9 bilion pada tahun 2017 (2016: RM21.6 bilion) (Rujuk Gambar rajah 4), di mana peningkatannya lebih pesat berbanding peningkatan trafik penumpang tahun 2017 iaitu pada 8.1 peratus. Pendapatan ini telah dicapai meskipun kejatuhan purata tambang asas sebanyak 7.7 peratus tahun demi tahun kepada RM371 pada tahun 2017 (2016: RM402). Walaupun purata

tambang asas yang lebih rendah mungkin telah menyumbang kepada peningkatan faktor muatan pada tahun ini, pemerhatian mendapati bahawa peningkatan pendapatan adalah hasil pendapatan sampingan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia.


Gambar rajah 4: Pendapatan dan Purata Tambang Syarikat-syarikat Penerbangan di Malaysia, 2013 - 2017



Sumber: Analisa MAVCOM, Pemegang-pemegang ASL

Perolehan Tempat Duduk Kilometer Tersedia (RASK) bagi syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia telah meningkat sebanyak 7.1 peratus tahun demi tahun pada tahun 2017 (rujuk Gambar rajah 5), manakala Kos Tempat Duduk Kilometer Tersedia (CASK) juga telah meningkat sebanyak 2.8 peratus tahun demi tahun disebabkan oleh peningkatan harga minyak jet. Keupayaan syarikat-syarikat penerbangan untuk menaikkan RASK mereka di dalam persekitaran CASK yang semakin meningkat telah merapatkan jurang RASK-CASK pada tahun 2017 dari (-1.5) sen pada tahun 2016 kepada (-0.9) sen pada tahun 2017 – ini telah mengurangkan tahap kerugian industri bagi segmen penerbangan berjadual Malaysia.


Gambar rajah 5: RASK dan CASK bagi Syarikat-syarikat Penerbangan di Malaysia, 2013 - 2017



Sumber: Analisa MAVCOM, Pemegang-pemegang ASL

Pada tahun 2017, kira-kira 96.7 peratus daripada trafik kargo di Malaysia terdiri daripada muatan, dan selebihnya adalah merupakan penghantaran mel. Trafik kargo melonjak kepada 11.8 peratus tahun demi tahun pada tahun 2017 setelah merekodkan penurunan berturut-turut pada tahun 2015 dan 2016 (Rujuk Gambar rajah 6). Ini telah dicapai seiring dengan pertumbuhan muatan udara global yang meningkat sebanyak 9.3 peratus pada tahun 2017.


Gambar rajah 6: Peningkatan Kargo Udara Malaysia berbanding Peningkatan Kargo Udara Antarabangsa, 2013 - 2017



Sumber: Analisa MAVCOM, Pemegang-pemegang AOL

Purata harga minyak mentah telah naik sebanyak 45.9 peratus tahun demi tahun kepada USD54 setong (bbl) pada tahun 2017 (2016: USD37/bbl). Pada masa yang sama, harga minyak jet juga telah meningkat sebanyak 52.7 peratus tahun demi tahun kepada USD66 setong pada tahun 2017 (2016: USD43/bbl) (Rujuk Gambar rajah 7). Persekitaran operasi akan menjadi lebih mencabar pada masa hadapan berikutan peningkatan harga minyak mentah memandangkan minyak jet merupakan salah satu elemen utama kos operasi sesebuah syarikat penerbangan.

Gambar rajah 7: Aliran Minyak Mentah dan Minyak Jet



Sumber: Thomson Reuters

Banyak perkembangan positif yang telah dicapai industri penerbangan awam semenjak penubuhan MAVCOM dua tahun lalu. Meskipun masih banyak penambahbaikan yang perlu dilaksanakan termasuk dari aspek kesalinghubungan, tahap perkhidmatan dan kesedaran pengguna, namun demikian, industri penerbangan awam di Malaysia kini berada di tahap yang boleh dibanggakan. MAVCOM berhasrat untuk terus memastikan industri dibangunkan secara teratur, mewujudkan persaingan yang adil serta meningkatkan tahap kesedaran pengguna. Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya pada tahun 2017 adalah selaras dengan objektif-objektif yang dinyatakan berikut.

Memperkukuhkan lagi industri

Fungsi-fungsi kawal selia dan pembangunan MAVCOM yang berkait langsung dengan industri dinyatakan di dalam Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771] yang merangkumi pengeluaran lesen komersial kepada syarikat penerbangan berjadual, syarikat penerbangan tidak berjadual; lapangan terbang dan pengendali darat, penguntukan hak trafik udara, penetapan caj lapangan terbang, pengurusan dan pentadbiran obligasi sektor awam serta menasihati Menteri Pengangkutan dalam setiap aspek ekonomi berhubung industri penerbangan Malaysia.

Pada tahun 2017, MAVCOM telah mengeluarkan dan memperbaharui tiga Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) dan sepuluh Permit Perkhidmatan Udara (ASP) di mana enam daripadanya dikenakan syarat-syarat penambahbaikan kewangan dan ini bertujuan untuk memastikan pemohon-pemohon mempunyai kedudukan kewangan yang lebih kukuh seterusnya mengurangkan impak negatif terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna. Sehubungan dengan itu, tugas pelesenan Suruhanjaya telah menghasilkan suntikan modal tambahan kepada industri penerbangan sebanyak RM597 juta setakat tahun 2017.

Selain daripada ASL dan ASP, Suruhanjaya juga telah mengeluarkan satu Lesen Pengendali Aerodrom (AOL) pada tahun 2017.

Walaupun moratorium terhadap pengeluaran lesen kepada pengendali-pengendali darat masih berkuat kuasa, Suruhanjaya juga telah menjalankan semakan ke atas sektor pengendalian darat di Malaysia dengan matlamat untuk memperbaiki kestabilan kewangan dan taraf perkhidmatan syarikat-syarikat dalam sektor ini. Hasil semakan ini, MAVCOM telah menyelaraskan sektor pengendalian darat di Malaysia di mana jumlah pengendali darat telah dikurangkan kepada 30 daripada 65 setakat 31 Disember 2017. MAVCOM terus meneroka peluang-peluang untuk mengukuhkan lagi sektor pengendalian darat di Malaysia.

Selain daripada pengeluaran lesen, Suruhanjaya juga bertanggungjawab untuk mentadbir, menguntukan dan menguruskan hak trafik udara yang diperoleh oleh Kementerian Pengangkutan (MoT). Justeru itu, Suruhanjaya mengambil kira prestasi syarikat penerbangan dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara serta impak perkhidmatan yang diberikan terhadap pengguna, industri dan juga kepentingan awam.

Dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017, MAVCOM telah memberikan hak trafik udara (ATR) kepada syarikat-syarikat penerbangan yang dinyatakan di dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

Jadual 1 – Senarai ATR Domestik dan Antarabangsa yang telah diperuntukan oleh MAVCOM dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017

Syarikat Penerbangan	ATR Domestik yang telah diperuntukan	ATR Antarabangsa yang telah diperuntukan
AirAsia	31	47
AirAsia X	-	15
Firefly	2	-
Malaysia Airlines*	3	29
Malindo Air	14	67
Raya Airways	-	2
JUMLAH	50	160

*Termasuk MABKargo
Sumber: MAVCOM

Jadual 2 – Senarai ATR Domestik dan Antarabangsa yang telah diperuntukan oleh MAVCOM dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017

Bilangan ATR yang telah diperuntukan							
Syarikat Penerbangan	AirAsia	AirAsia X	Firefly	Malaysia Airlines*	Malindo Air	Raya Airways	JUMLAH
Domestik	31	-	2	3	14	-	50
Afrika	-	-	-	-	-	-	-
Amerika	-	-	-	-	-	-	-
ASEAN	23	1	-	4	26	-	54
Asia dan lain-lain	6	7	-	6	4	-	23
China	8	3	-	11	28	-	50
India	10	1	-	6	3	2	22
Australia	-	1	-	2	4	-	7
Eropah	-	1	-	-	-	-	1
Timur Tengah	-	1	-	-	2	-	3
JUMLAH	78	15	2	32	81	2	210

*Termasuk MABKargo
Sumber: MAVCOM

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah menguntukan 160 ATR antarabangsa dan 50 ATR domestik, di mana 93.1 peratus daripada ATR Antarabangsa terdiri daripada destinasi di dalam Asia.

Penguntukan ATR antarabangsa adalah bertujuan untuk menghubungkan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia ke destinasi baru atau meningkatkan kekerapan penerbangan ke destinasi yang sedia ada. Syarikat-syarikat penerbangan Malaysia kini menikmati hak untuk beroperasi ke 19 destinasi baru pada tahun 2017, termasuk Nha Trang, Brisbane, Pulau Jeju, Jaipur, Zhengzhou dan Fukuoka. Daripada hak trafik udara antarabangsa yang telah dikeluarkan, 54 atau 33.8 peratus adalah laluan yang melibatkan destinasi ASEAN dan 50 atau 31.3 peratus melibatkan destinasi di China. Ini meneruskan perkembangan sejak 2016 di mana syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia meningkatkan rangkaian udara ke ASEAN dan China. Pengeluaran ATR bagi destinasi luar dari Asia pada tahun 2017 hanya terhad kepada London-Gatwick, Brisbane, Melbourne, Karachi, Medina dan Christmas Island.


Lanjutan kepada tugas menguntukan ATR, Suruhanjaya telah mempercepatkan inisiatif untuk membangunkan satu sistem pemfailan elektronik atas talian pada tahun 2017. Sistem pemfailan elektronik atas talian ini bertujuan untuk memperbaiki proses pemfailan sedia ada bagi operasi syarikat penerbangan berjadual dan tidak berjadual. Sistem yang diberi nama *AeroFile* ini akan bertindak sebagai platform bersepadu yang mengintegrasikan proses-proses MAVCOM, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan National Slot Coordination Malaysia (NSCM) – iaitu agensi-agensis yang bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan penggunaan ruang udara dan permit pendaratan. Portal ini bertujuan untuk memudahkan operasi syarikat-syarikat penerbangan yang mendarat dan berlepas dari Malaysia dengan menyediakan satu sistem permohonan bersepadu yang boleh mengurangkan kertas kerja serta tempoh pemprosesan yang panjang.

Sistem *AeroFile* ini dijangka akan sedia untuk pelaksanaan penuh semasa Jadual Musim Sejuk Utara International Air Transport Association (IATA) 2018. Semua syarikat penerbangan Malaysia dan juga syarikat penerbangan asing yang berjadual dan tidak berjadual yang mendarat dan berlepas dari Malaysia akan dikehendaki untuk memfailkan permohonan mereka kepada Suruhanjaya menggunakan sistem baru ini. Sistem ini akan turut digunakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) sebagai inisiatif untuk memudahkan urusan perdagangan dan telah diterima dengan baik oleh semua pemain industri.

Pada bulan November 2017, MAVCOM juga telah mengumumkan penyamarataan penuh bagi Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa KL 2 (klia2) dan lapangan-lapangan terbang lain di serata Malaysia bermula dari tahun 2018. Ini merupakan lanjutan kepada semakan semula PSC pada bulan Oktober 2016 oleh Suruhanjaya di mana kadar PSC yang ditetapkan bagi klia2 untuk destinasi-destinasi antarabangsa selain daripada ASEAN adalah lebih rendah berbanding caj yang dikenakan oleh lapangan-lapangan terbang yang lain di Malaysia, dan suatu semakan semula juga akan dibuat pada tahun 2017.

Pihak Suruhanjaya telah menjalankan satu kajian yang menyeluruh sebelum keputusan ini dicapai di mana pihak Suruhanjaya percaya bahawa langkah ini adalah lebih adil. Selain daripada memastikan caj-caj lapangan terbang di Malaysia kekal antara yang terendah di rantau ini, langkah ini juga membolehkan kerajaan untuk menguntukan semula subsidi kepada keperluan-keperluan yang lebih penting. Namun begitu, kadar PSC bagi lapangan-lapangan terbang di Malaysia yang telah diumumkan pada bulan November 2017 merupakan langkah sementara sebelum MAVCOM memperkenalkan mekanisme *Regulated Asset Based* dalam menetapkan caj-caj lapangan terbang yang berdasarkan aset bagi jangka masa panjang dan langkah ini akan menyelaraskan penetapan caj lapangan terbang Malaysia dengan piawaian antarabangsa.

Gambar rajah 8: PSC Malaysia berbanding PSC Antarabangsa



Sumber: Analisa MAVCOM (setakat 31 Disember 2017)

Nota: PSC termasuk GST


Caj-caj dan cukai kerajaan merupakan caj tambahan yang dibayar kepada pihak-pihak berkuasa negara tersebut

* OFW Y: Warganegara Filipina yang bekerja di luar negara (Ekonomi)

** Y Long: Destinasi Jarak Jauh (Ekonomi)

*** F Long: Destinasi Jarak Jauh (Perniagaan)

Gambar rajah 9: PSC Domestik Malaysia berbanding PSC Domestik Negara-negara Lain



Sumber: Analisa MAVCOM (setakat 31 Disember 2017)

Nota: PSC termasuk GST

Caj-caj dan cukai kerajaan merupakan caj tambahan yang dibayar kepada pihak-pihak berkuasa negara tersebut

Suruhanjaya juga telah mempercepatkan pembangunan sebuah rangka kerja penguatkuasaan untuk menambah baik tahap perkhidmatan lapangan-lapangan terbang di Malaysia. Ianya suatu petanda di mana pengendali-pengendali lapangan terbang di Malaysia perlu meningkatkan tahap perkhidmatan mereka. Objektif Rangka Kerja Kualiti Perkhidmatan Lapangan Terbang (QoS Lapangan Terbang) ini ialah untuk meningkatkan tahap keselesaan penumpang di lapangan-lapangan terbang, memastikan pengendali lapangan terbang mengutamakan tahap perkhidmatan pelanggan, serta memperbaiki mutu perkhidmatan yang diberikan kepada para pengguna lapangan terbang yang terdiri daripada syarikat penerbangan, pengendali darat dan pengguna-pengguna lapangan terbang di Malaysia yang lain.

Rangka Kerja QoS Lapangan Terbang ini yang dibangunkan setelah mengambil kira proses rundingan bersama industri, akan menetapkan piawaian perkhidmatan dan penunjuk prestasi bagi

pelbagai aspek penggunaan lapangan terbang, termasuk kebersihan tandas, penanda arah, ketersediaan dan kualiti infrastruktur, serta masa yang diambil untuk beratur dan mengambil bagasi. Jika tahap perkhidmatan lapangan terbang ini tidak dijaga atau tidak mencapai piawaian yang ditetapkan, pengendali lapangan terbang boleh dikenakan penalti kewangan. Rangka Kerja QoS Lapangan Terbang akan dilaksanakan secara berperingkat di lapangan-lapangan terbang di Malaysia bermula dengan KLIA dan klia2 dalam suku ketiga tahun 2018.

Rangka Kerja QoS Lapangan Terbang ialah satu mekanisme yang diperkenalkan oleh MAVCOM untuk memperkasakan pengguna dan memastikan pengalaman perjalanan yang lebih selesa. Secara keseluruhannya, ia bertujuan untuk memperbaiki tahap perkhidmatan di lapangan terbang di samping memastikan pengendali-pengendali lapangan terbang bertanggungjawab untuk memperbaiki taraf piawaian masing-masing.

Gambar rajah 10: Gambaran Keseluruhan Rangka Kerja QoS Lapangan Terbang



Perkhidmatan-perkhidmatan lapangan terbang yang akan dinilai



Salah satu aktiviti utama industri yang diterajui oleh MAVCOM pada tahun 2017 adalah berkaitan dengan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS). RAS merupakan satu program Obligasi Perkhidmatan Awam (PSO) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1957 untuk menghubungkan kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak melalui pengangkutan udara. RAS kini ditadbir oleh MAVCOM menurut Akta 771.

Kajian semula ke atas program RAS oleh Suruhanjaya telah selesai pada tahun 2017 dan beberapa cadangan telah dikemukakan kepada MoT, yang mana cadangan-cadangan tersebut telah pun diluluskan oleh pihak Kabinet. Sehubungan dengan itu, perjanjian RAS di antara pihak Kerajaan dan MASwings Sdn. Bhd. telah dilanjutkan untuk tempoh interim selama 15 bulan sehingga 31 Disember 2018. Kedua-dua pihak juga telah bersetuju bahawa program ini akan dilanjutkan selama enam tahun (bermula daripada 1 Januari 2019) dan akan dilaksanakan melalui perjanjian PSO yang baru.

Perubahan paling utama yang diperkenalkan di dalam perjanjian PSO baru ini ialah penggubalan mekanisme subsidi dan insentif yang berdasarkan prestasi kewangan dan operasi yang akan diukur melalui penunjuk-penunjuk prestasi utama. Ini merupakan satu perubahan daripada mekanisme subsidi yang sedia ada yang hanya berdasarkan kepada prestasi kewangan tanpa mengira tahap perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali RAS. Ketika ini, MAVCOM sedang membantu MoT dalam rundingan dan perangkaan perjanjian PSO yang baru di antara Kerajaan dan MASwings. Suruhanjaya telah memohon untuk memperkenalkan sistem imbuhan berdasarkan prestasi untuk menggalakkan MASwings bagi meningkatkan mutu perkhidmatannya.

Sumber: MAVCOM
Nota: Maklumat yang disenaraikan di atas adalah sementara dan boleh berubah



Gambar 1: Seorang lelaki dan motosikalnya di atas bot merentasi sungai di Bako. Kampung Bako merupakan satu masyarakat nelayan yang kecil di Sarawak.
Sumber: iStock



Gambar 2: Permukaan tidak rata di Sabah dan Sarawak menyukarkan sistem pengangkutan darat
Sumber: MAVCOM

Sebagai sebahagian daripada komitmen Suruhanjaya ke arah pembangunan industri penerbangan awam yang menyokong matlamat-matlamat negara yang lebih meluas, MAVCOM sedang merangka satu pelan induk ekonomi untuk industri penerbangan. Pelan induk ekonomi ini bertujuan untuk menangani perkara-perkara dengan lebih sistematik termasuk dalam perkara yang melibatkan kesalinghubungan domestik dan antarabangsa bagi Malaysia, infrastruktur dan rangkaian lapangan-lapangan terbang, persekitaran pengawalseliaan dan juga pembangunan modal insan. Pelan induk ini dijangka akan disiapkan sekitar hujung tahun 2018.


Mengutamakan Hak-hak Pengguna Penerbangan

Salah satu objektif utama MAVCOM seperti yang termaktub di dalam Akta 771 ialah perlindungan hak dan kepentingan pengguna. Walaupun secara dasarnya kesemua inisiatif yang dilaksanakan oleh MAVCOM mengambil kira perspektif pengguna di samping menjaga hak pihak berkepentingan yang lain, terdapat banyak usaha MAVCOM dibuat bagi tujuan melindungi kepentingan pengguna secara langsung.

Salah satu aktiviti teras Suruhanjaya adalah untuk membantu pengguna mendapatkan resolusi kepada aduan berkaitan dengan perkhidmatan penerbangan yang melibatkan aduan terhadap kedua-dua syarikat penerbangan dan lapangan terbang. Penyelesaian aduan dibuat melalui Sistem Pengurusan Aduan (CMS) MAVCOM, yang merupakan satu platform yang membolehkan pengguna membuat aduan menerusi laman web MAVCOM. Jenis aduan tertinggi bagi tahun 2017 (seperti yang ditunjukkan dalam Gambar rajah 11) adalah berkenaan pengendalian bagasi, di mana pengguna secara amnya tidak berpuas hati dengan jumlah pampasan yang ditawarkan atau kerja-kerja pembaikan yang dibuat. 37.4 peratus aduan mengenai kerosakan bagasi adalah untuk penerbangan yang berlepas dari Kuala Lumpur – 22.0 peratus dari KLIA dan 15.4 peratus dari klia2.

Aduan kedua tertinggi adalah berkenaan bayaran balik, termasuk oleh pengguna yang tidak menaiki pesawat, pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan dan kelewatan dalam memproses bayaran balik tersebut. Aduan berkenaan bayaran balik diikuti oleh aduan mengenai pengendalian penerbangan tertunda yang merupakan aduan ketiga tertinggi. Ini termasuk aduan mengenai makanan yang disediakan ketika penerbangan tertunda yang tidak mencukupi, makanan yang diberikan sudah tamat tempoh, kesukaran untuk menggunakan baucar makanan yang diberikan, atau penjagaan yang berpatutan tidak diberikan apabila penerbangan ditunda.


Gambar rajah 11: Lima Aduan Tertinggi Mengikut Kategori setakat 31 Disember 2017



Sumber: Analisa MAVCOM

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah menerima sebanyak 1,356 aduan – di mana 1,338 aduan adalah terhadap syarikat penerbangan dan 18 aduan adalah terhadap lapangan terbang (seperti yang ditunjukkan dalam Gambar rajah 12). Setakat 31 Disember 2017, 99.6 peratus daripada aduan yang diterima pada tahun 2017 telah diselesaikan oleh MAVCOM. MAVCOM telah memperkenalkan CMS pada tahun 2016 untuk memperkasakan pengguna dan menyediakan satu platform untuk pengguna menuntut hak-hak mereka seperti yang dinyatakan di dalam MACPC.















Gambar rajah 12: Lima Aduan Tertinggi Mengikut Syarikat-syarikat Penerbangan setakat 31 Disember 2017



Sumber: Analisa MAVCOM



Gambar Rajah 13: Aduan Pengguna Mengikut Syarikat Penerbangan dan Kategori setakat 31 Disember 2017

Kategori/ Syarikat penerbangan	AirAsia	AirAsia X	Firefly	Malaysia Airlines	MASwings	Malindo Air	Syarikat penerbangan asing	Jumlah
 Pengendalian aduan	6	-	-	10	-	1	-	17
 Khidmat pelanggan	14	2	1	28	-	11	2	58
 Larangan menaiki penerbangan	17	9	1	70	1	5	10	113
 Kemudahan/perkhidmatan dalam penerbangan	3	-	1	13	1	12	-	30
 Pembatalan penerbangan	8	7	3	51	2	31	2	104
 Penundaan penerbangan	51	11	2	101	3	60	9	237
 Makanan dan minuman	2	-	-	1	-	1	-	4
 Program pengguna kerap	1	1	-	13	-	1	-	16
 Kehilangan, kerosakan dan kelewatan bagasi	55	15	-	173	1	46	22	312
 Tempahan dalam talian	42	11	4	46	-	16	2	121
 Bayaran balik	80	20	2	82	3	87	16	290
 Keselamatan	2	-	-	3	-	-	-	5
 Kenaikan / penurunan tarf	1	-	-	4	-	-	1	6
 Lain-lain	8	-	-	13	-	3	1	25
Jumlah Keseluruhan	290	76	14	608	11	274	65	1,338

Sumber: Analisa MAVCOM

Lain-lain termasuk: Aduan mengenai kemudahan dan perkhidmatan dalam penerbangan, makanan dan minuman, program pengguna kerap, bantuan khas untuk orang kelainan upaya, kenaikan tarf / penurunan tarf dan kemudahan.

Nota: MAVCOM berjaya menguruskan dan menyelesaikan 99.6 peratus daripada aduan-aduan ini. 51 peratus keputusan ini berpihak kepada pengguna.

Pada tahun 2017, Suruhanjaya juga menjalankan kaji selidik pengguna kali kedua untuk menentukan tahap kesedaran pengguna mengenai hak pengguna penerbangan serta tahap kepuasan pengguna secara umum terhadap perkhidmatan penerbangan di Malaysia. Penemuan penting daripada kaji selidik ini menunjukkan bahawa 55 peratus responden sedar tentang hak perjalanan udara mereka dan didapati peratusan kesedaran adalah lebih rendah di Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu. 85 peratus responden ingin mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna penerbangan dengan lebih lanjut melalui media sosial, e-mel dan laman web syarikat-syarikat penerbangan. Dua daripada setiap sepuluh responden pernah berhadapan isu-isu melibatkan penerbangan sepanjang tahun lepas, tetapi hanya 48 peratus responden sahaja yang memilih untuk membuat aduan terhadap syarikat penerbangan atau lapangan terbang. 80 peratus responden yang membuat aduan terhadap syarikat penerbangan atau lapangan terbang tersebut menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan penyelesaian yang diberikan.


Gambar rajah 14: Penemuan Penting daripada Kaji Selidik Pengguna Tahun 2017



5 daripada 10 pengguna penerbangan sedar dan tahu mengenai hak-hak mereka




85 peratus daripada pengguna penerbangan berminat untuk mengetahui hak-hak mereka dengan lebih lanjut




Nota: Responden dibenarkan memilih lebih daripada satu pilihan.

Tiga faktor tertinggi yang mempengaruhi pengguna penerbangan untuk membuat pembelian tiket penerbangan



Nota: Responden dibenarkan memilih lebih daripada satu pilihan.




2/10 pengguna penerbangan mengalami isu berkaitan dengan penerbangan sewaktu perjalanan

Daripada mereka yang menghadapi masalah, hanya 48% yang membuat aduan

8/10 daripada mereka yang membuat aduan berpuas hati dengan penyelesaian yang diberi


Perkhidmatan Pengguna oleh Syarikat-syarikat Penerbangan Bertambah Baik dari Segi Kualiti, Tindak balas dan Penyelesaian yang diberi

Kepuasan Keseluruhan dengan Perkhidmatan Pengguna oleh Syarikat-syarikat Penerbangan



Perkhidmatan Pengguna oleh Lapangan Terbang Bertambah Baik dari Segi Tindak balas dan Kualiti yang diberi

Kepuasan Keseluruhan dengan Perkhidmatan Pengguna oleh Lapangan Terbang



Sumber: MAVCOM

Suruhanjaya juga memberikan penekanan kepada usaha untuk mendidik pengguna dan telah mengadakan pelbagai program pada tahun 2017 melalui media tradisional dan digital; sesi interaksi dengan persatuan pengguna dan penulis blog percutian turut diadakan. Pada tahun 2017, MAVCOM telah mengambil bahagian dalam karnival-karnival percutian dan penerbangan seperti MATTA, MITA dan juga LIMA, di samping mengambil langkah menjalankan kempen berkenaan pendidikan pengguna melalui radio.

Interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan dan media

Dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mengenai industri penerbangan Malaysia serta inisiatif MAVCOM, MAVCOM telah mengambil langkah untuk menerangkan tugas-tugasnya kepada pihak-pihak berkepentingan dalam industri penerbangan di Malaysia yang bukan sahaja terdiri daripada pemain industri seperti syarikat penerbangan, lapangan terbang dan pengendalian darat, malahan juga para pengguna, orang awam, media, pasaran modal, juruanalisa kewangan dan lain-lain.

Sebagai contoh, MAVCOM telah pada tahun 2017 menerbitkan Laporan Industri pertama yang dikenali sebagai *Waypoint* yang memberi gambaran tentang industri dengan ulasan berkenaan isu-isu semasa yang memberi impak terhadap sektor ini. Edisi pertama *Waypoint* memberi fokus kepada lima bahagian spesifik yang penting untuk memahami sektor penerbangan iaitu tinjauan industri, gambaran makro, struktur industri, prestasi industri, serta lapangan terbang dan infrastruktur. Pihak Suruhanjaya merancang untuk menerbitkan *Waypoint* secara dwitahunan bermula tahun 2018, dan pihak Suruhanjaya juga berharap agar penerbitan ini menjadi salah satu medium yang dapat digunakan oleh pihak berkepentingan untuk mendapatkan pengetahuan mendalam mengenai industri ini.

Penerbitan *Waypoint* ini disusuli dengan penerbitan dwitahunan Laporan Pengguna. Penerangan terperinci mengenai aduan pengguna yang dilaporkan kepada MAVCOM boleh didapati dalam Laporan Pengguna ini yang telah diterbitkan pada bulan April dan Oktober tahun 2017. Ini adalah salah satu usaha MAVCOM untuk menerapkan industri penerbangan yang berorientasikan pengguna di dalam negara ini. Kedua-dua laporan yang diterbitkan pada tahun 2017 memberikan maklumat penting dan statistik mengenai semua aduan yang telah dilaporkan serta memberikan perincian tentang jumlah aduan yang diterima dan diuruskan oleh MAVCOM sejak penubuhannya.

Di samping itu, pihak Suruhanjaya juga telah menerbitkan beberapa kertas rundingan untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak awam dan industri. Pada tahun 2017, MAVCOM telah memohon maklum balas melalui kertas-kertas rundingan berkenaan Rangka Kerja QoS Lapangan Terbang, PSC, dan Garis Panduan Perjanjian-perjanjian Anti Persaingan. Kertas-kertas rundingan didapati berkesan dalam mengumpul maklum balas spesifik daripada pemain industri dan badan perdagangan penerbangan antarabangsa, yang telah menjadi satu intipati berguna untuk memperhalusi dan menambah baik idea serta inisiatif yang sedang diterajui oleh MAVCOM.

Interaksi dengan pihak media juga telah dijalankan secara aktif sepanjang tahun 2017 dan perbincangan meliputi pelbagai topik termasuk prestasi industri, hak pengguna, PSC, tahap perkhidmatan lapangan terbang dan hak trafik udara. Pertemuan turut diadakan dengan juruanalisa dan pengurus pelaburan untuk memastikan mereka sentiasa sedia maklum berkenaan perkembangan dalam pengawalseliaan industri penerbangan Malaysia, terutamanya mereka yang mempunyai kepentingan yang lebih besar terhadap pasaran modal industri ini.



MAVCOM di dalam media
Sumber: MAVCOM



Pindaan Akta 771

Sejak penubuhannya, MAVCOM telah mengambil maklum beberapa aspek di dalam Akta 771 yang perlu diperbaiki untuk memudahkan Suruhanjaya menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya. Oleh itu, Rang Undang-undang Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 24 Oktober 2017 dan oleh Dewan Negara pada 18 Disember 2017. Rang Undang-undang ini kemudiannya dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong pada 29 Disember 2017 untuk Perkenan DiRaja. Rang Undang-undang ini telah diwartakan dan akan berkuat kuasa pada tahun 2018 sebagai Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2018 [Akta A1559].

Pindaan yang dibuat kepada Akta 771 khususnya bertujuan untuk melengkapkan Suruhanjaya bagi memastikan kepentingan pengguna dapat ditangani dengan lebih baik serta mengukuhkan lagi keupayaan MAVCOM untuk beroperasi secara bebas dan cekap. Pindaan tersebut merangkumi bidang pembiayaan, penalti kewangan, perlindungan pengguna dan pengeluaran panduan, pekeliling, arahan, nota latihan dan notis pengumuman.

Perbelanjaan operasi dan pembiayaan

MAVCOM menerima geran peruntukan sebanyak RM30.0 juta daripada Kerajaan pada tahun 2017 dan ia merupakan bayaran terakhir dari keseluruhan RM90.0 juta geran yang telah diperuntukan untuk penubuhan Suruhanjaya dan pembiayaan kesemua aktiviti pada tahun-tahun awal penubuhan. Perbelanjaan operasi mencecah RM23.0 juta pada tahun 2017, dan setelah mengambil kira aliran wang tunai yang lain sepanjang tahun, MAVCOM menutup tahun kewangan dengan baki tunai sebanyak RM32.0 juta. Maklumat yang lebih terperinci mengenai prestasi kewangan Suruhanjaya pada tahun 2017 dan kedudukan kewangan setakat 31 Disember 2017 boleh didapati di bahagian penyata kewangan yang terdapat dalam Laporan Tahunan ini.

Maju seiring pembangunan negara

Selain daripada aktiviti-aktiviti teras operasi, perancangan pelbagai inisiatif MAVCOM akan diteruskan pada tahun 2018, di antaranya, perangkaan pelan induk ekonomik industri penerbangan, Rangka Kerja QoS Lapangan Terbang, rangka kerja penetapan caj lapangan terbang jangka masa panjang dan pengukuhan rejim perlindungan pengguna. Sebagai contoh, Rangka Kerja QoS Lapangan Terbang yang akan mula dilaksanakan di Kuala Lumpur pada tahun 2018, bakal diperkenalkan di lapangan terbang antarabangsa seluruh Malaysia pada tahun 2019. Pihak Suruhanjaya juga akan mengukuhkan lagi

MACPC untuk memastikan pengguna penerbangan dilindungi dengan lebih baik.

Selain itu, Suruhanjaya juga akan meningkatkan aktiviti-aktiviti di Sabah dan Sarawak dalam masa yang terdekat. Ciri-ciri unik yang dimiliki oleh Sabah dan Sarawak akan memberi impak terhadap prestasi perkhidmatan penerbangan komersial seperti program RAS yang dilaksanakan di kedua-dua negeri tersebut berserta faktor Kota Kinabalu mempunyai pasaran trafik penumpang yang paling aktif di Malaysia selepas Kuala Lumpur.

MAVCOM juga akan memberi penekanan kepada penglibatan pengguna dan akan terus meningkatkan lagi kesedaran berkenaan MACPC yang menerangkan hak-hak pengguna penerbangan di Malaysia. MAVCOM juga akan berinteraksi dengan pengguna-pengguna penerbangan terutamanya, melalui media sosial untuk berkongsi pengalaman khususnya melibatkan pengguna melalui elemen penceritaan.

MAVCOM kekal komited untuk membina matlamat jangka masa panjang bagi industri penerbangan Malaysia dan terus memberikan sokongan sewajarnya terhadap objektif-objektif negara. Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya yang mungkin baru di Malaysia tidak datang tanpa cabaran, namun ianya telah dirangka demi merealisasikan manfaat jangka masa panjang. Sehubungan dengan itu, MAVCOM berharap agar ia akan terus menerima maklum balas daripada semua pihak berkepentingan berkenaan aspek-aspek tugasnya yang dapat memanfaatkan industri.

Dengan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan termasuklah orang ramai, para pengguna, pemain industri, anggota-anggota Suruhanjaya serta kakitangan MAVCOM di atas setiap usaha dan pencapaian pada tahun 2017 dan saya berharap agar kita sama-sama meneruskan tugas-tugas yang diberikan pada masa hadapan.

PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

29

Sijil Ketua Audit Negara

Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Suruhanjaya

Pengakuan oleh Pegawai Utama yang
Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan


Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Prestasi Kewangan

Penyata Perubahan Aset Bersih

Penyata Aliran Tunai

Nota-nota kepada Penyata Kewangan



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang merangkumi Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 4 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Suruhanjaya Penerbangan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam Suruhanjaya Penerbangan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Bedasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Suruhanjaya terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(ZAABA BIN ZAINUDDIN)

b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
31 JULY 2018



34 PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Suruhanjaya

Kami, Dr. Nungsari Ahmad Radhi dan Dato' Fauziah binti Yaacob, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA** pada **31 DISEMBER 2017** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia,



DR. NUNGSARI AHMAD RADHI
Pengerusi Eksekutif

Tarikh: 20 Julai 2018

Kuala Lumpur



DATO' FAUZIAH BINTI YAACOB
Anggota Suruhanjaya

Tarikh: 20 Julai 2018

Kuala Lumpur

PERAKUAN BERKANUN 35

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA

Saya, Wan Ahmad Wizan bin Wan Nawang, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai dalam Penyata Kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kuala Lumpur)
pada 20 Julai 2018)




.....
WAN AHMAD WIZAN BIN WAN NAWANG

Di hadapan saya:



L 12-12 Menara Sentral Vista
No. 150 Jalan Sultan Abdul Samad
50470 Kuala Lumpur



.....
PESURUHJAYA SUMPAAH

36 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah dan peralatan	5	1,939,741	2,652,245
Aset tak ketara	6	531,356	671,010
Jumlah aset bukan semasa		<u>2,471,097</u>	<u>3,323,255</u>
ASET SEMASA			
Deposit, bayaran terdahulu dan penghutang lain	7	1,849,436	960,879
Tunai dan kesetaraan tunai	8	31,965,907	23,598,947
Jumlah aset semasa		<u>33,815,343</u>	<u>24,559,826</u>
JUMLAH ASET		<u>36,286,440</u>	<u>27,883,081</u>
RIZAB			
Lebihan terkumpul		33,229,967	25,100,152
		<u>33,229,967</u>	<u>25,100,152</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Liabiliti Pajakan	9	56,349	153,032
Jumlah liabiliti bukan semasa		<u>56,349</u>	<u>153,032</u>
LIABILITI SEMASA			
Liabiliti pajakan	9	96,683	96,683
Pemiutang lain dan perbelanjaan terakru	10	2,580,441	2,357,214
Peruntukan cukai		323,000	176,000
Jumlah liabiliti semasa		<u>3,000,124</u>	<u>2,629,897</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>3,056,473</u>	<u>2,782,929</u>
JUMLAH RIZAB DAN LIABILITI		<u>36,286,440</u>	<u>27,883,081</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN 37

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

		Tempoh kewangan dari 01.01.2017 hingga 31.12.2017	Tempoh kewangan dari 01.01.2016 (tarikh penubuhan) hingga 31.12.2016
	Nota	RM	RM
PENDAPATAN			
Geran pelancaran - urusanniaga bukan pertukaran		30,000,000	60,000,000
Pendapatan faedah - urusanniaga pertukaran		1,471,526	855,140
Pendapatan lain		4,203	-
Jumlah pendapatan		31,475,729	60,855,140
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan kakitangan	11	(13,645,654)	(8,783,094)
Perbelanjaan pra-permulaan	12	-	(18,897,638)
Perbelanjaan operasi lain	13	(9,365,273)	(7,895,026)
Jumlah perbelanjaan		(23,010,927)	(35,575,758)
Kos pembiayaan		8,464,802 (7,753)	25,279,382 (3,230)
Lebihan sebelum cukai		8,457,049	25,276,152
Perbelanjaan cukai	14	(327,234)	(176,000)
LEBIHAN SELEPAS CUKAI		8,129,815	25,100,152

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

38 PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Lebihan terkumpul RM
Pada 1 Januari 2017	25,100,152
Lebihan selepas cukai tahun semasa	8,129,815
Pada 31 Disember 2017	<u>33,229,967</u>
Pada 1 Mac 2016 (tarikh penubuhan)	-
Lebihan selepas cukai tahunan semasa	25,100,152
Pada 31 Disember 2016	<u>25,100,152</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

39

	Tempoh kewangan dari 01.01.2017 hingga 31.12.2017	Tempoh kewangan dari 01.03.2016 (tarikh penubuhan) hingga 31.12.2016
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan sebelum cukai	8,457,049	25,276,152
Pelarasan bagi:		
Susut nilai hartanah dan peralatan	809,325	573,980
Pelunasan aset tak ketara	323,967	227,286
Kos pembiayaan	7,753	3,230
Perbelanjaan/Hapus kira hartanah dan peralatan	13,236	3,859
Lebihan pendapatan sebelum perubahan dalam modal kerja	9,611,330	26,084,507
Perubahan dalam modal kerja:		
Deposit, bayaran terdahulu dan penghutang lain	(888,557)	(960,879)
Pemiutang lain dan perbelanjaan terakru	223,227	2,357,214
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	8,946,000	27,480,842
Bayaran cukai	(180,234)	-
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	8,765,766	27,480,842
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartanah dan peralatan*	(110,057)	(2,940,084)
Pembelian aset tak ketara	(184,313)	(898,296)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(294,370)	(3,838,380)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Faedah yang dibayar ke atas liabiliti pajakan	(7,753)	(3,230)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(96,683)	(40,285)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(104,436)	(43,515)
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	8,366,960	23,598,947
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	23,598,947	-
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	31,965,907	23,598,947

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

40 PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

TRANSAKSI BUKAN TUNAI

*Pembelian hartanah dan peralatan:

Sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2016, Suruhanjaya memperoleh kenderaan bermotor dengan kos agregat berjumlah RM329,488 yang mana sebanyak RM290,000 telah diperolehi dengan cara pajakan kewangan. Bayaran tunai sebanyak RM39,488 telah dibuat untuk membeli kenderaan bermotor.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

41

1 MAKLUMAT UMUM

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ("Suruhanjaya") telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Mac 2016 di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 untuk bertindak sebagai sebuah entiti bebas untuk mengawal selia perkara ekonomi dan komersial yang berhubungan dengan industri penerbangan awam di Malaysia.

Pejabat berdaftar Suruhanjaya terletak di Aras 19, Menara 1 Sentrum, 201 Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan Suruhanjaya dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM). Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Anggota Suruhanjaya pada 20 Julai 2018.

2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas akuan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Suruhanjaya telah memperoleh kelulusan daripada pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada 24 November 2017 untuk menggunakan MPSAS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah merupakan penyata kewangan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini, penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3 telah diguna pakai dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Tarikh peralihan kepada MPSAS adalah pada 1 Januari 2016. Tiada sebarang perubahan pada angka pembukaan 1 Januari 2017.

Penyata kewangan telah disediakan mengikut asas akuan menurut kelaziman kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan di dalam ringkasan dasar perakaunan penting. Penyata aliran tunai telah disediakan berdasarkan kaedah tak langsung.

Penyediaan penyata kewangan ini selaras dengan MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Pihak pengurusan juga perlu melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Suruhanjaya. Bidang yang melibatkan tahap pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, telah dinyatakan dalam Nota 4.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

3.1 Hartanah dan Peralatan

Hartanah dan peralatan pada asalnya dinyatakan pada kos. Kos untuk hartanah dan peralatan yang diiktiraf pada awalnya terdiri daripada harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan kaedah yang diperlukan untuk ia menjadi mampu beroperasi dengan cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Kos sesuatu item bagi hartanah dan peralatan yang bernilai melebihi RM1,000 diiktiraf sebagai aset apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Suruhanjaya dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada.

Kos penggantian diambil kira dalam amaun dibawa sesuatu hartanah dan peralatan apabila kos itu ditanggung dan penggantian itu dijangka memberi manfaat tambahan di masa hadapan kepada Suruhanjaya. Amaun dibawa bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ianya ditanggung.

Semua hartanah dan peralatan disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus untuk memperuntukan kos aset kurang nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Hayat berguna dianggarkan seperti berikut:

- Pengubahsuaian	3 tahun
- Kenderaan bermotor	5 tahun
- Perabut, kelengkapan dan peralatan pejabat	5 tahun
- Peralatan komputer	3 tahun

Nilai sisa aset, hayat berguna dan kaedah susut nilai disemak semula, dan diselaraskan sewajarnya secara prospektif, sekiranya terdapat tanda-tanda perubahan yang ketara sejak tarikh laporan tahunan yang lepas.

Hartanah dan peralatan dirosotnilai apabila terdapat petunjuk bahawa ia mungkin mengalami rosotnilai. Polisi bagi pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah berdasarkan Nota 3.3.

Laba atau kerugian atas pelupusan sesuatu hartanah dan peralatan ditentukan dengan membandingkan penerimaan daripada pelupusan dengan amaun dibawa hartanah dan peralatan tersebut dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

3.2 Aset Tak ketara

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan sebagai aset tidak ketara dan dinyatakan pada kos. Kos untuk perisian komputer yang diiktiraf pada awalnya terdiri daripada harga pembelian dan sebarang kos berkaitan yang membawa perisian tersebut untuk tujuan penggunaannya oleh pihak pengurusan.

Selepas pengiktirafan awal, kos dilunaskan sepanjang anggaran hayat berguna sebanyak tiga (3) tahun dan direkodkan pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada.

Kos yang berkaitan dengan perisian komputer diiktiraf sebagai perbelanjaan, apabila ditanggung.

Nilai sisa aset tak ketara, hayat berguna dan kaedah pelunasan disemak semula, dan diselaraskan sewajarnya secara prospektif, sekiranya terdapat tanda-tanda perubahan yang ketara sejak tarikh laporan tahunan yang lepas.

Aset tak ketara disorotnilai apabila terdapat petunjuk bahawa ia mungkin mengalami rosotnilai. Polisi bagi pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah berdasarkan Nota 3.3.

Laba dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan penerimaan daripada pelupusan dengan amaun dibawa aset tak ketara tersebut dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

3.3 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Kerugian rosotnilai berlaku apabila amaun dibawa aset melebihi amaun boleh pulih. Jika petunjuk sedemikian wujud, Suruhanjaya menganggarkan amaun boleh pulih aset tersebut.

Amaun boleh pulih sesuatu aset adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Suruhanjaya menentukan nilai saksama tolak kos jualan aset dalam hierarki berdasarkan: (i) Harga dalam suatu perjanjian jualan mengikat; (ii) Harga pasaran diniagakan dalam pasaran aktif; dan (iii) anggaran harga pasaran menggunakan maklumat terbaik yang ada. Nilai sedang digunakan dianggarkan berdasarkan pendiskaunan aliran masuk tunai bersih (dengan kadar diskaun yang sesuai) bagi aset, dengan menggunakan bajet dan ramalan pengurusan yang munasabah serta disokong bagi tempoh lima tahun dan ekstrapolasi aliran masuk tunai bagi tempoh melangkaui tempoh ramalan atau bajet lima tahun.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Aset bukan kewangan yang mengalami rosotnilai disemak untuk kemungkinan pembalikan rosotnilai pada setiap tarikh laporan dan sebarang kenaikan dalam amaun boleh pulih diiktiraf dalam penyata pendapatan, terhad kepada amaun dibawa aset yang akan ditentukan sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf sebelum ini.

3.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesetaraan tunai dipegang untuk memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit permintaan dan pelaburan kecairan tinggi jangka pendek lain yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan.

3.5 Cukai Pendapatan

Cukai semasa bagi tempoh semasa dan tempoh sebelumnya, setakat yang tidak berbayar, diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa. Jika amaun yang telah dibayar untuk tempoh semasa dan tempoh sebelumnya melebihi amaun yang kena dibayar bagi tempoh-tempoh berkenaan, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa. Liabiliti/(Aset) cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka untuk Suruhanjaya bayar/(pulihan) menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tarikh pelaporan.

3.6 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi semasa secara sah atau konstruktif, kesan daripada peristiwa lampau yang berkemungkinan memerlukan aliran keluar manfaat ekonomi bagi menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang boleh percaya berhubung dengan amaun tersebut dibuat.

Peruntukan ditentukan pada nilai kini amaun yang dijangka akan diperlukan bagi menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan taksiran pasaran semasa tentang nilai masa wang dan risiko khusus terhadap obligasi tersebut. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos pembiayaan.

3.7 Pengiktirafan Pendapatan

Hasil diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima dan diiktiraf berpandukan asas berikut:

(a) Geran pelancaran

Geran pelancaran daripada Kerajaan Malaysia yang tidak mengenakan sebarang syarat masa hadapan diiktiraf sebagai pendapatan apabila hasil diterima. Geran Kerajaan diukur pada nilai saksama aset yang diterima.

(b) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

3.8 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah dan gaji diakru dan dibayar pada setiap bulan dan diiktiraf sebagai perbelanjaan, kecuali jika ia berkaitan dengan kos menghasilkan inventori atau aset lain.

(b) Manfaat Pasca-Pekerjaan - Pelan Caruman Ditetapkan

Suruhanjaya membuat caruman berkanun kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan dan sumbangan yang dibuat dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh yang berkaitan. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai obligasi selanjutnya.

3.9 Pajak - Perakaunan oleh Penerima Pajak

(a) Pajak Operasi

Pajakan aset di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan dengan pemberi pajak dikelaskan sebagai pajak operasi. Bayaran dibuat di bawah pajak operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) dicaj kepada penyata pendapatan secara kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak.

(b) Pajak Kewangan

Pajakan aset di mana Suruhanjaya mempunyai sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajak kewangan. Pajak kewangan dipermodalkan sebagai aset dan liabiliti pada permulaan pajak pada nilai yang lebih rendah di antara nilai saksama aset yang dipajak dan nilai semasa bayaran pajak minimum.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh Suruhanjaya dalam perundingan dan pengaturan pajak kewangan ditambah kepada nilai dibawa aset yang dipajak dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pajak pada asas yang sama sebagai perbelanjaan pajak.

Setiap bayaran pajak dibahagikan antara caj liabiliti dan pembiayaan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Aset yang diperolehi melalui pajak kewangan disusut nilai sepanjang jangka masa yang lebih pendek antara hayat berguna aset dan tempoh pajak jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Suruhanjaya akan mendapat pemilikan pada akhir tempoh pajak.

3.10 Kos Peminjaman

Kos peminjaman Suruhanjaya adalah liabiliti pajak kewangan yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan. Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

4 PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

4.1 Pertimbangan dan Andaian Digunakan

Dalam pemilihan dasar perakaunan bagi Suruhanjaya, bahagian yang memerlukan pertimbangan dan andaian yang signifikan adalah untuk klasifikasi pajakan kewangan dan operasi.

Suruhanjaya mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana risiko dan ganjaran berkaitan dengan pemilikan aset sandaran. Sebagai penerima pajak, Suruhanjaya mengiktiraf pajakan sebagai pajakan kewangan jika ia terdedah kepada risiko dan ganjaran yang besar yang berkaitan dengan pemilikan aset sandaran. Dalam membuat keputusan, Suruhanjaya mempertimbangkan sama ada terdapat insentif ekonomi yang ketara untuk melaksanakan opsyen beli dan mana-mana pilihan tempoh pembaharuan. Pajakan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan jika tempoh pajakan adalah untuk sekurang-kurangnya 75% daripada hayat ekonomi aset sandaran, nilai kini bayaran pajakan adalah sekurang-kurangnya 90% daripada nilai saksama aset sandaran, atau aset yang dikenal pasti dalam pajakan adalah aset khusus yang hanya boleh digunakan secara berkesan oleh penerima pajak. Semua pajakan lain yang tidak mengakibatkan perpindahan besar risiko dan ganjaran diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

4.2 Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang dapat diperhatikan dan andaian lain. Bahagian atau item yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran yang signifikan adalah dalam susut nilai hartanah dan peralatan serta pengukuran peruntukan.

Susut Nilai Hartanah dan Peralatan

Kos sesuatu item hartanah dan peralatan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi hartanah dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu hartanah dan peralatan.

Pengukuran Peruntukan

Suruhanjaya sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

5 HARTANAH DAN PERALATAN

	Pengubahsuaian	Kenderaan Bermotor	Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	Peralatan komputer	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM
<u>2017</u>					
<u>Kos</u>					
Pada 1 Januari 2017	306,296	329,488	2,280,231	309,728	3,225,743
Tambahan	27,748	-	35,008	47,301	110,057
Pengelasan semula/ Perbelanjaan	(15,514)	(1,300)	3,578	-	(13,236)
	<u>318,530</u>	<u>328,188</u>	<u>2,318,817</u>	<u>357,029</u>	<u>3,322,564</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>					
Pada 1 Januari 2017	24,578	38,440	438,609	71,871	573,498
Susut nilai semasa	153,211	65,486	478,411	112,217	809,325
	<u>177,789</u>	<u>103,926</u>	<u>917,020</u>	<u>184,088</u>	<u>1,382,823</u>
<u>Nilai buku bersih</u>					
Pada 31 Disember 2017	<u>140,741</u>	<u>224,262</u>	<u>1,401,797</u>	<u>172,941</u>	<u>1,939,741</u>

Kenderaan bermotor dengan nilai buku bersih sebanyak RM220,887 telah dicagarkan sebagai jaminan untuk pinjaman sewa beli yang diambil daripada bank Suruhanjaya.

	Pengubahsuaian	Kenderaan Bermotor	Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	Peralatan Komputer	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM
<u>2016</u>					
<u>Kos</u>					
Pada awal tempoh	-	-	-	-	-
Tambahan	306,296	329,488	2,280,231	314,069	3,230,084
Hapus kira	-	-	-	(4,341)	(4,341)
Pada 31 Disember 2016	<u>306,296</u>	<u>329,488</u>	<u>2,280,231</u>	<u>309,728</u>	<u>3,225,743</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>					
Pada awal tempoh	-	-	-	-	-
Susut nilai semasa	24,578	38,440	438,609	72,353	573,980
Hapus kira	-	-	-	(482)	(482)
Pada 31 Disember 2016	<u>24,578</u>	<u>38,440</u>	<u>438,609</u>	<u>71,871</u>	<u>573,498</u>
<u>Nilai buku bersih</u>					
Pada 31 Disember 2016	<u><u>281,718</u></u>	<u><u>291,048</u></u>	<u><u>1,841,622</u></u>	<u><u>237,857</u></u>	<u><u>2,652,245</u></u>

Kenderaan bermotor dengan nilai buku bersih sebanyak RM285,537 telah dicagarkan sebagai jaminan untuk pinjaman sewa beli yang diambil daripada bank Suruhanjaya.

6 ASET TAK KETARA

	Perisian komputer 2017 RM	Perisian komputer 2016 RM
<u>Kos</u>		
Pada awal tempoh	898,296	-
Tambahan	184,313	898,296
Pada 31 Disember	<u>1,082,609</u>	<u>898,296</u>
<u>Pelunasan terkumpul</u>		
Pada awal tempoh	227,286	-
Pelunasan semasa	323,967	227,286
Pada 31 Disember	<u>551,253</u>	<u>227,286</u>
<u>Nilai buku bersih</u>		
Pada 31 Disember	<u><u>531,356</u></u>	<u><u>671,010</u></u>

7 DEPOSIT, BAYARAN TERDAHULU DAN PENGHUTANG LAIN

	2017 RM	2016 RM
Deposit	468,033	467,288
Bayaran terdahulu	420,863	336,878
Faedah belum terima	960,540	152,488
Penghutang lain	-	4,225
	<u>1,849,436</u>	<u>960,879</u>

Amaun dibawa bagi deposit, bayaran terdahulu dan penghutang lain adalah anggaran munasabah nilai saksama pada tarikh penyata kedudukan kewangan memandangkan ia adalah bersifat jangka pendek.

8 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2017 RM	2016 RM
Tunai dan baki bank	165,907	1,598,947
Deposit dengan bank berlesen	31,800,000	22,000,000
	<u>31,965,907</u>	<u>23,598,947</u>

Deposit yang dibentangkan sebagai kesetaraan tunai mempunyai tarikh matang antara Januari 2018 dan Februari 2018 (2016: antara Januari 2017 dan April 2017) dan kadar faedah antara 3.20% ke 3.90% (2016: antara 3.55% ke 3.80%).

9 LIABILITI PAJAKAN

	2017 RM	2016 RM
Amaun dibawa bersih termasuk kelas hartanah dan peralatan - Kenderaan bermotor:	220,887	285,537
<u>Liabiliti pajakan bukan semasa</u>		
Pada awal tempoh	153,032	-
Tambahan	-	193,317
Pindahan kepada liabiliti pajakan semasa	(96,683)	(40,285)
Baki pada 31 Disember	<u>56,349</u>	<u>153,032</u>
<u>Liabiliti pajakan semasa</u>		
Pada awal tempoh	96,683	-
Tambahan	-	96,683
Pembayaran balik	(96,683)	(40,285)
Pindahan daripada liabiliti pajakan bukan semasa	96,683	40,285
Baki pada 31 Disember	<u>96,683</u>	<u>96,683</u>
Jumlah liabiliti pajakan	<u>153,032</u>	<u>249,715</u>

Bayaran pajakan masa hadapan yang perlu dibayar:

- Tidak lewat daripada satu tahun	104,436	104,436
- Lebih daripada satu tahun hingga lima tahun	60,872	165,308
	<hr/>	<hr/>
Jumlah bayaran pajakan minimum masa hadapan	165,308	269,744
Tolak: Caj pembiayaan masa hadapan	(12,276)	(20,029)
	<hr/>	<hr/>
Nilai kini bayaran pajakan	153,032	249,715
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

10 PEMIUTANG LAIN DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2017	2016
	RM	RM
Perbelanjaan terakru	2,336,093	1,817,008
Pemiutang lain	244,348	540,206
	<hr/>	<hr/>
	2,580,441	2,357,214
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Amaun dibawa bagi pemiutang lain dan perbelanjaan terakru adalah anggaran munasabah nilai saksama pada tarikh penyata kedudukan kewangan memandangkan ia adalah bersifat jangka pendek.

11 PERBELANJAAN KAKITANGAN

	2017	2016
	RM	RM
Gaji dan elaun	10,750,909	7,450,254
Caruman kepada KWSP dan Socso	1,457,418	833,866
Latihan kepada kakitangan	814,463	215,121
Manfaat kakitangan	622,864	283,853
	<hr/>	<hr/>
	13,645,654	8,783,094
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

12 PERBELANJAAN PRA-PERMULAAN

